

**Kenyataan Dasar**  
**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**  
**2/2015**

Tarikh: 30 Disember 2015

**Ekonomi Global**

1. Secara keseluruhan, ekonomi global adalah lebih lemah pada 2015. China dan *emerging economies* mengalami pertumbuhan yang masih lembab manakala pertumbuhan negara-negara maju terus meningkat dengan sederhana. Harga komoditi yang rendah telah menyokong pertumbuhan perbelanjaan pengguna, namun pada masa yang sama ianya menurunkan permintaan dan prospek pertumbuhan bagi pengeksporth komoditi.

**Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam**

2. Pada separuh pertama tahun ini, ekonomi negara menurun sebanyak 2.6% tahun-ke-tahun. Kedua-dua Sektor Minyak dan Gas dan Sektor Bukan Minyak dan Gas mengalami penurunan iaitu masing-masing sebanyak 3.4% dan 1.5% tahun-ke-tahun. Sektor Perkhidmatan menurun 2.5% tahun-ke-tahun disebabkan oleh kelemahan dalam Perkhidmatan Pengangkutan; Perhubungan; Perkhidmatan Kesihatan; Perkhidmatan Pendidikan; Perkhidmatan Perniagaan; dan Perkhidmatan Kerajaan. Walau bagaimanapun, beberapa industri terus berdaya tahan termasuk Pembinaan; Hartanah; Perdagangan Borong dan Runcit; dan Kewangan.
3. Harga pengguna bagi tempoh sebelas bulan tahun ini menurun 0.4% tahun-ke-tahun. Indeks CPI bagi November 2015 meningkat 0.1%<sup>1</sup> tahun-ke-tahun.

---

<sup>1</sup> Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri

Peningkatan CPI tersebut disebabkan oleh peningkatan harga beberapa barangan dan perkhidmatan termasuk Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain; Makanan dan Minuman Ringan; dan Rekreasi dan Kebudayaan. Harga makanan global kekal sederhana di mana Indeks Harga Makanan UNFAO<sup>2</sup> menurun sebanyak 18% tahun-ke-tahun pada November 2015. Harga makanan dan komoditi yang rendah serta pengukuhan Dolar Brunei secara sederhana dijangka akan mengurangkan tekanan ke atas inflasi dalam negeri.

### **Perkembangan Kewangan Negara Brunei Darussalam**

4. AMBD telah mengeluarkan pengumuman ke atas 5 Notis Peraturan kepada institusi-institusi kewangan yang berkenaan pada 28 Oktober 2015, yang telah berkuatkuasa secara serta merta. Butiran notis-notis tersebut adalah seperti berikut:-
  - 4.1 *Notice on Total Debt Service Ratio (TDSR) – Amendment No. 1*
    - 4.1.1 Notis telah membenarkan bank-bank untuk memasukkan pendapatan sewa dan juga pendapatan perniagaan *sole proprietorship* di dalam definisi pendapatan kasar bulanan; dan
    - 4.1.2 Bagi mengecualikan kad kredit yang bercagar dengan simpanan tetap daripada perkiraan TDSR.
  - 4.2 *Notice on Unsecured Credit Facility – Amendment No. 1;*
  - 4.3 *Notice on Unsecured Financing Facility – Amendment No. 1;*
    - 4.3.1 Sepertimana Notis di atas, pendapatan sewa dan juga pendapatan perniagaan *sole proprietorship* dimasukkan di dalam definisi pendapatan kasar bulanan ; dan membenarkan

---

<sup>2</sup> Food and Agriculture Organization of the United Nations

- 4.3.2 Fleksibiliti kepada pelanggan yang mempunyai tempoh pembiayaan yang berlainan, untuk menambah atau menstruktur pembiayaan setelah 50% tempoh pembiayaan telah selesai;
  - 4.4 *Notice on Credit Cards (Banking Order, 2006) – Amendment No. 1;*
  - 4.5 *Notice on Credit Cards (Islamic Banking Order, 2008) – Amendment No. 1;*
    - 4.5.1 Notis ini melonggarkan keperluan kemasukan gaji (*salary assignment*) atau pencagaran simpanan tetap bagi pengeluaran kad kredit; dan
    - 4.5.2 Bagi menyelaraskan isi kandungan Notis Kad Kredit dengan penggubalan yang telah dibuat terhadap Notis-Notis di atas.
- 5. Pada suku ketiga 2015, walaupun jumlah aset dan simpanan bank telah mencatatkan penurunan masing-masing sebanyak 5.9% dan 8.3% tahun-ke-tahun, pembiayaan telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.4% berbanding dengan suku ketiga 2014. Aset *offshore* telah menurun sebanyak 22.0% tahun-ke-tahun yang disebabkan oleh penurunan penempatan (*placements*) dengan bank dan institusi kewangan di luar negeri sebanyak 30.8%.
- 6. Secara keseluruhan, penunjuk kekukuhan kewangan utama dalam sektor perbankan adalah kekal pada tahap yang memuaskan. Pada suku ketiga 2015 agregat *regulatory capital adequacy ratio* adalah sebanyak 21.1%, yang mana melebihi keperluan mandatori minima 10%. Nisbah penunjuk keuntungan pada suku ketiga 2015, bagi *Return on Assets* (ROA) dan *Return on Equity* (ROE), adalah masing-masing sebanyak 1.3% dan 9.0%. Nisbah pembiayaan yang tidak berbayar telah menunjukkan perbaikan di mana nisbah berkenaan menurun kepada 5.3%.

7. Jumlah aset bagi syarikat-syarikat yang berlesen di bawah perundangan SMO menurun sebanyak 61% tahun-ke-tahun pada suku ketiga 2015. Walau bagaimanapun, jumlah *asset under management* (AUM) telah meningkat sebanyak 24% tahun-ke-tahun pada suku ketiga 2015 kepada \$4.7 bilion. Manakala, jumlah *collective investment scheme* menurun sebanyak 18% tahun-ke-tahun kepada \$145.6 juta.
8. AMBD telahpun memperkenalkan peruntukan yang memberikan kuasa kepada pihak Autoriti untuk mengkompaun kesalahan di bawah Perintah Insurans, 2006 dan Perintah Takaful, 2008. Di samping itu, jumlah denda dinaikkan dan denda baru juga telah diperkenalkan bagi beberapa kesalahan terhadap peraturan-peraturan yang berbentuk *prudential* seperti keperluan untuk mengadakan simpanan statutori (*statutory deposit*) dengan pihak Autoriti.
9. Fasa kedua pemodenan sistem pembayaran dan penyelesaian Negara Brunei Darussalam iaitu Sistem *Automated Clearing House* (ACH) sedang dilaksanakan. Peserta-peserta Sistem ACH sedang menjalankan ujian sebagai sebahagian daripada tempoh latihan pasaran yang berstruktur. Sistem ini dijangka akan dilancarkan pada suku pertama 2016 dan akan menggantikan operasi manual *Cheque Clearing House*.
10. Di bawah perjanjian jual beli yang ditandatangani diantara Baiduri Bank Berhad (Baiduri Bank) dan United Overseas Bank Limited, Cawangan Brunei Darussalam (UOB Cawangan Brunei) bertarikh 30 Julai 2015 dan seterusnya kebenaran daripada Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam pada 7 Oktober 2015, UOB Cawangan Brunei telah bersetuju dengan penjualan perniagaan perbankan retail kepada Baiduri Bank. Baiduri Bank dan UOB Cawangan Brunei juga telah mengeluarkan notis melalui akhbar tempatan mengenainya. Penjualan tersebut adalah selaras dengan strategi Kumpulan UOB untuk menumpukan perniagaannya kepada sektor korporat dan komersial.

## **Perkembangan Masa Depan**

11. Jawatankuasa Dasar Monetari, AMBD akan sentiasa memantau keadaan ekonomi semasa dan akan menilai keperluan untuk melonggarkan kredit, jika perlu, di samping memelihara kestabilan sistem kewangan.
12. AMBD dengan kerjasama industri insurans/Takaful sedang melaksanakan rangka kerja untuk meningkatkan pengendalian pasaran melalui penggubalan garis panduan bagi perniagaan insurans /Takaful am serta pendaftaran bagi ejen-ejen insurans nyawa dan takaful keluarga.